

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : Y.B. DATO' JOHARI BIN ABDUL [SUNGAI PETANI]
TARIKH : 19.5.2016
SOALAN :

Dato' Johari bin Abdul [Sungai Petani] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan apakah usaha yang berterusan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka bagi menggalakkan rakyat Malaysia mempelajari dan menggunakan tulisan jawi agar aset budaya bernilai ini tidak pupus.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah melaksanakan pelbagai aktiviti untuk memperkasakan tulisan jawi di institusi pendidikan peringkat rendah dan menengah. Antaranya ialah:

1. Membina modul pemulihan jawi dengan lebih mudah dan menarik untuk murid-murid yang lemah jawi.
2. Pendekatan baharu Program j-QAF untuk memulih murid yang lemah bukan sahaja melalui kelas pemulihan tetapi melalui Kem Pemulihan Jawi yang dirancang dan diatur dengan lebih sistematik.
3. Salah satu item soalan Pendidikan Islam dalam Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) berkaitan secara langsung dengan kemahiran dan penguasaan dalam tulisan jawi.
4. Jawapan untuk mata pelajaran Pendidikan Syariah Islamiah, dan Pendidikan Quran dan Sunah peringkat SPM dalam tulisan jawi, dan
5. Buku Teks Pendidikan Islam, Pendidikan Syariah Islamiah dan Pendidikan Quran dan Sunah dikekalkan dalam tulisan jawi.
6. Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) telah mentauliahkan sebanyak 22 orang Munsyi Jawi di seluruh negara yang terdiri daripada guru, pensyarah di

Institut Pendidikan Guru dan pegawai kerajaan. Munsyi Jawi berperanan untuk memberikan kursus dan bengkel kepada khalayak yang memerlukan di seluruh negara supaya dapat mempertingkatkan pengetahuan dan kemahiran dalam tulisan Jawi.

7. DBP telah mengadakan Bengkel Jawi secara berkala untuk pegawai-pegawai kerajaan dengan kerjasama pelbagai jabatan persekutuan dan negeri. Bengkel ini bertujuan untuk mentauliahi pegawai sebagai pakar rujuk Jawi di negeri masing-masing.
8. Program Jawi Dalam Sambutan Bulan Bahasa Kebangsaan
9. DBP telah menerbitkan dan menyediakan pedoman dan bahan bacaan dalam aksara Jawi untuk dijadikan sebagai sumber rujukan seperti buku *Pedoman Ejaan Jawi yang Disempurnakan* dan bahan bacaan dalam tulisan Jawi yang menyokong j-Qaf pada peringkat sekolah.
10. Laman Sesawang Pusat Rujukan Persuratan Melayu (PRPM) DBP menyediakan kemudahan capaian maklumat yang lebih pantas untuk menyemak ejaan dalam tulisan Jawi.